

# REMAJA LARI DARI RUMAH TERPAKSA ATAU RELA?



Oleh KHIRUDDIN ABDULLAH

**REMAJA** merupakan pewaris dalam menentukan hala tuju pembangunan negara bangsa. Merekalah yang akan mewarisi takhta kepemimpinan pada suatu hari kelak. Dalam skop yang lebih kecil, remaja merupakan pemimpin diri sendiri serta keluarga yang seterusnya menyumbang kepada kemaslahatan masyarakat dan negara.

Namun demikian, remaja dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kini lebih banyak terdedah dengan pelbagai kesan ekoran daripada konsep langit terbuka dan dunia tanpa sempadan. Impaknya, remaja mendapat pendedahan yang sangat meluas dan sukar dikawal hingga menimbulkan pelbagai krisis akhlak dan moral.

Isu remaja lari dari rumah merupakan salah satu masalah sosial yang sering berlaku dan diperkatakan dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini. Isu remaja lari dari rumah bukanlah perkara baharu, malah sudah berlaku ketika kemudahan teknologi maklumat masih terhad dan tidak secanggih kini. Kisah anak dara lari dari rumah pada zaman sebelum kemerdekaan dan prakemerdekaan pernah diperkatakan, cuma kes yang dilaporkan amat rendah dan dianggap sebagai kes terpencil.

Berbeza daripada apa-apa yang berlaku sekarang, isu remaja lari

dari rumah menjadi fenomena yang membimbangkan kita semua. Saban hari media arus perdana melaporkan kes remaja lari dari rumah. Banyak faktor yang dijadikan punca remaja terdorong untuk lari dari rumah. Antara penyebabnya termasuklah kerana mempunyai masalah dengan ahli keluarga. Tekanan daripada keluarga seperti mahu anak berjaya dalam pelajaran, seperti memperoleh semua A dalam peperiksaan, tanpa memikirkan kemampuan mereka, juga antara punca yang dapat dikaitkan dengan kejadian remaja lari dari rumah.

Selain itu, akibat sering dimarah dan diherdik walaupun kesalahan yang dilakukan terlalu kecil; dihalau keluar dari rumah disebabkan oleh perselisihan faham; dan ingin bebas dari kongkongan keluarga yang sentiasa membataskan pergaulan bersama-sama rakan sebaya, turut dikatakan sebagai punca remaja lari dari rumah. Di samping itu, remaja juga menghadapi tekanan apabila berlaku perselisihan keluarga yang berpanjangan seperti ibu bapa yang sering bergaduh. Sudah tentu perkara sedemikian menimbulkan kerunsingan dalam minda mereka, lantas memilih jalan pintas dengan meninggalkan rumah.

Kadangkala sikap terlalu tegas yang ditunjukkan oleh ibu bapa kepada anak tanpa ada perbincangan dalam satu-

satu hal yang memerlukan perhatian menyebabkan remaja keluar mencari rakan untuk meluahkan rasa yang tertekuk di hati. Sekiranya nasihat yang diberikan oleh rakan mereka menjerus pada arah kebaikan, maka kesannya juga baik. Sebaliknya, jika masalah itu diselesaikan secara negatif, sudah tentu impaknya yang diperoleh mendukacitakan.

Terdapat juga keluarga yang terlalu memberikan kebebasan kepada anak mereka sehingga bebas untuk melakukan sesuka hati mereka. Tiada peraturan atau ketetapan dikenakan terhadap anak yang mesti dipatuhi seperti memaklumkan ke mana mereka pergi atau berkongsi masalah dengan ibu bapa, selain tidak ambil peduli siapa rakan anak mereka. Keadaan sebegini, sebenarnya tidak seharusnya berlaku kerana remaja memerlukan bimbingan untuk dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan. Tanpa panduan, pasti mereka tidak dapat melayari kehidupan dan boleh mengakibatkan mereka terjerumus dengan masalah yang tidak diingini.

Selain itu, beberapa faktor lain turut menyumbang ke arah bertakunya kes lari dari rumah, seperti tidak minat belajar, tertipu oleh pujukan rakan dan orang yang tidak dikenali, menjadi penagih dadah tegar yang kemudiannya tidak dihiraukan oleh

keluarga serta masyarakat, atau menjadi mangsa sumbang mahram, seperti kata bidalan, haruan makan anak.

Faktor penyebab yang paling tinggi dalam kes remaja lari dari rumah ialah keterlibatan mereka dalam percintaan yang menjanjikan pelbagai keseronokan dan kesenangan bersama-sama kekasih yang kadangkala perkenalan mereka hanya baru beberapa hari sahaja. Pujuk rayu kekasih berupaya memudahkan rasa kasih sayang terhadap ibu bapa yang mendidik mereka sejak kecil.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, antara penyebab berlakunya gejala sosial dan lari dari rumah, termasuklah faktor latar belakang diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan permasalahan persekitaran sekolah.

Faktor latar belakang diri sendiri menjurus pada emosi kerana perasaan lebih berpengaruh daripada fikiran. Perubahan dari alam kanak-kanak ke alam remaja merupakan suatu tahap kritikal yang mengelirukan remaja dari segi mental dan fizikal. Pelbagai permasalahan yang diasak dalam minda tanpa sebarang penapisan, menyebabkan remaja melakukan tindakan di luar kawalan.

Terdapat juga remaja kini yang pegangan agamanya begitu rapuh. Kurang didikan agama menyebabkan keimanan seseorang itu menipis. Walauha agama itu merupakan benteng yang kukuh untuk menahan diri seseorang daripada melakukan perbuatan yang mungkar. Mereka tidak takut melakukan dosa kerana

beranggapan perlakuan yang dilakukan itu tidak menerima pembalasan pada saat itu juga. Lantas mereka melakukan apa-apa yang dikehendaki semahumahnya.

Agama menggariskan bahawa ada perkara yang boleh dilakukan dan ada perkara yang dilarang. Namun demikian, tanpa didikan agama, remaja tidak dapat membezakan sama ada perbuatan itu baik atau buruk. Mereka tidak dapat bertindak secara rasional dan lebih suka beremosi apabila menghadapi sesuatu masalah. Mereka mudah terikut-ikut dengan keadaan sekeliling yang tidak sihat.

Faktor seterusnya ialah peningkatan jumlah ibu tunggal atau bapa tunggal serta ekonomi kurang stabil dalam kalangan keluarga berkenaan. Ketidacukupan perbelanjaan harian, seperti mengadakan makan minum, pakaian, wang saku untuk persekolahan, yuran dan buku tambahan, menyebabkan remaja berasa tertekan.

Tambahan pula apabila melihat rakan sebaya lain memiliki segala kemudahan serta mewah berbelanja. Maka, mulalah mereka mencari jalan untuk mendapatkan wang yang lebih dengan mengikut ajakan rakan untuk melakukan penipuan terhadap keluarga. Mereka mendakwa diri mereka diculik sedangkan sebenarnya mereka lari dari rumah atas perancangan sendiri.


Konflik dan tekanan psikologi remaja yang gagal melihat keluarga sebagai persekitaran yang sihat dan memberikan kebahagiaan kepada mereka menyebabkan mereka berasa lebih tertekan. Masa yang terluang banyak di habiskan bersama-sama rakan yang disenangi mereka.

Dalam hal ini, remaja perlu dibenarkan bimbingan untuk menentukan tindakan yang diambil ketika menghadapi tekanan adalah tepat dan mengikut pertimbangan yang wajar. Ibu bapa pula perlu mengubah cara berfikir demi mengeratkan hubungan kekeluargaan dengan tidak mengongkang atau terlalu memanjakan mereka dengan memberikan kebebasan yang tiada batasan.

Selain itu, ibu bapa haruslah mendengar masalah atau rintihan yang dihadapi remaja. Ibu bapa hendaklah meluangkan masa dengan merancang percutian yang dapat mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga. Ibu bapa juga perlu mengenali rakan anak mereka dengan lebih dekat dan sesekali mengundangi mereka rumah untuk berkenalan dan mengetahui latar belakang dan tingkah laku mereka.

Bertepatan dengan petua memilih rakan, dalam hadis nabi ada menyebut "Sebaik-baik sahabat di sisi Allah ialah orang yang terbaik terhadap temannya dan sebaik-baik jiran di sisi Allah ialah orang yang terbaik terhadap jirannya". Pendek kata, sahabat boleh menentukan corak kehidupan seseorang. Jika tersalah pilih sahabat, pasti akan mengundangi padah.

Ibu bapa juga perlu melihat perubahan sikap, cara berpakaian, pertuturan dan penampilan dari sudut fizikal anak mereka. Jika terdapat sebarang perubahan, nasihatilah mereka dengan cara yang behemah. Janganlah memarahi mereka secara melulu atau tanpa usul periksa. Ibu bapa mestilah menjadi contoh terbaik kepada anak-anak, dengan memperlihatkan sikap dan tingkah laku yang terpuji.

Gejala sosial dalam kalangan remaja kini amat membimbangkan semua pihak sama ada ibu bapa, masyarakat, kerajaan dan sebagainya. Bagi menangani isu ini, semua pihak perlu bekerjasama, berganding bahu bagi memastikan masalah tersebut tidak terus berleluasa merosakkan bukan sahaja kepada seseorang individu, malah boleh meruntuhkan kestabilan sesebuah negara. 

### Tekanan hidup punca utama remaja lari dari rumah

KUALA LUMPUR, 11 Jun (BERNAMA) - Seorang remaja lelaki berusia 17 tahun yang tinggal bersama ibu bapanya di Kuala Lumpur, terpaksa meninggalkan rumah kerana tekanan hidup yang dihadapi keluarganya.

### Masyarakat perlu peka masalah remaja

BERNAMA - Masyarakat perlu lebih peka terhadap masalah remaja yang lari dari rumah kerana ia boleh memberi kesan yang mendalam kepada mereka.

### Gadis lari dari rumah ditemui di Pulau Pinang

BERNAMA - Seorang gadis berusia 16 tahun yang lari dari rumah di Kuala Lumpur, ditemui di Pulau Pinang.



Berita tentang remaja lari dari rumah sering dilaporkan oleh media.